

18 DEC 1996

Mahathir-NGO

JANGAN MELAMPAUI UNDANG-UNDANG KATA DR M KEPADA NGO

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan sedang mengawasi pergerakan dan tindakan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan tidak akan teragak-agak untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap mereka jika keadaan memaksa.

Beliau berkata: "Jika keadaan bertambah buruk, kita mungkin terpaksa menggunakan ISA."

"ISA dirumuskan bagi orang-orang seperti ini...yang tak bertanggungjawab, yang betul-betul menderhaka kepada negara," kata beliau apabila diminta mengulas mengenai tindakan sembilan NGO yang merancang mengadakan Tribunal Awam pada 12 Jan depan untuk membincangkan dakwaan salah guna kuasa oleh polis.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan majlis menandatangani perjanjian antara Airod Sdn Bhd dan SinMaywa Industries Ltd of Japan di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menghalang NGO daripada meneruskan mesyuarat mereka "asalkan mereka tidak melampaui undang-undang".

"Tetapi jika mereka melampaui undang-undang...(dan) jika ia mesyuarat awam tanpa kebenaran dengan bukan NGO dan media masa dijemput, ia menyalahi undang-undang dan kita akan bertindak," kata beliau.

"Saya tidak peduli apa yang akan dikatakan oleh mereka yang lain mengenai negara ini. Mereka boleh menjerit dan menyalak sebanyak mana yang mereka mahu tetapi kita akan berpegang kepada undang-undang negara ini," kata beliau.

Sambil menyifatkan NGO itu sebagai "berhaluan kiri", Dr Mahathir berkata mereka berbuat demikian (mengadakan "Tribunal Awam") dengan sengaja dan mendapat ilham daripada rakan-rakan mereka di negara lain.

"Saya dapati malangnya ada NGO di Malaysia yang agak tidak senang hati melihat Malaysia ini tenang, maju, tak berkelahi dengan orang dan tak bermusuhan dengan (negara) jiran.

"Jadi mereka seolah-olah ingin hubungan kita dengan orang lain menjadi tegang, nama kita menjadi buruk," kata beliau.

Perdana Menteri berkata mereka bertindak dengan penuh kecekapan daripada segi undang-undang negara dan tahu bagaimana memburukkan nama negara tanpa membahayakan diri mereka.

"Ini yang cuba mereka buat. Jadi saya menganggap orang seperti ini sebagai penghasut dan menjadi alat kepada pihak asing yang tak ingin lihat Malaysia menjadi tenang," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun mengaku terdapat NGO yang "baik" "tetapi juga terdapat NGO yang berniat jahat yang tidak lebih daripada unjukan NGO asing yang tidak senang melihat Malaysia stabil dan makmur".

Beliau berkata, langkah NGO-NGO untuk meneruskan dengan "Tribunal Awam" menunjukkan mereka mahukan polis mengambil tindakan terhadap mereka supaya ia menjejaskan nama baik negara.

Kepada satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak sedar sama ada NGO-NGO itu menerima bantuan dari "luar" tetapi mereka ada hubungan dengan pihak luar.

Beliau berkata, NGO-NGO telah menulis kepada beliau dengan mendakwa yang Malaysia bukan demokratik dan terdapat keganasan di negara ini.

"Semua in seperti "Bangkok Post" (sebuah ahkbar harian bahasa Inggeris Thailand) yang menulis seolah-olah Malaysia meletup," kata beliau.

Ditanya sama ada terdapat kebenaran dalam dakwaan NGO yang berlaku salah guna kuasa oleh polis, Dr Mahathir berkata: "Tiada salah guna kuasa oleh polis. Di negara ini, polis tidak menganiaya rakyat."

"Penganiayaan yang anda boleh lihat ialah di San Francisco di mana anda boleh melihatnya dalam video apa yang berlaku. Itu yang merupakan penyalahgunaan kuasa. Anda tidak pernah melihat polis Malaysia berbuat demikian," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, tuduhan yang tahanan di depot imigresen diberi layanan buruk direka oleh NGO sendiri. -- BERNAMA

ES PR